

27 AUG 1998

MAHATHIR DI MAJLIS JAMUAN SEMUA KAUM

KUCHING, 27 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menghadiri Majlis Jamuan Semua Kaum sempena lawatan kerja dua hari ke Sarawak.

Majlis itu diadakan di Dewan Santapan Kompleks Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya, di sini.

Turut hadir ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri Puan Seri Hajah Laila Taib serta bekas Timbalan Perdana Menteri Tun Ghafar Baba.

Kira-kira 500 tetamu termasuk anggota Kabinet negeri, pegawai-pegawai kerajaan dan ketua-ketua masyarakat turut sama dalam majlis itu.

Petang tadi Dr Mahathir menghadiri Majlis Pemimpin Bersama Rakyat bagi menerangkan masalah ekonomi di Stadium Perpaduan di sini.

Esok, beliau akan merasmikan konvensyen parti Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB), di sini.

-- BERNAMA

AMM PR